

Kajian Impak Kualiti Keberkesanan Kemudahan Pembelajaran Dikalangan Pensyarah Politeknik METrO Betong Sarawak

Siti Syuhaila Binti Zahari*, Siti Syuhaila Binti Zahari¹ dan Mohd Zainudin Bin Jenal²

Politeknik Metro Betong Sarawak

Kolej Komuniti Betong Sarawak

*Corresponding author: syuhaila@pmbs.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji impak kualiti keberkesanan kemudahan pembelajaran di kalangan pensyarah Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS). Kualiti pembelajaran menjadi isu hangat apabila berlakunya pandemik Covid-19. Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji kualiti kemudahan pembelajaran kepada pensyarah yang disediakan oleh PMBS dalam proses pengajaran. Kajian ini memfokuskan kepada 3 aspek utama iaitu kualiti kemudahan pembelajaran, kesediaan ruang pembelajaran dan kesediaan peralatan pembelajaran di Politeknik METrO Betong Sarawak. Kajian ini berfungsi sebagai alat pengukuran dimensi pembolehubah pembelajaran dan pengajaran. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian sampel meliputi 30 orang responden pensyarah yang bertugas sebagai pensyarah di Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS). Data kajian telah dianalisis menggunakan perisian statistik data Statistical Package For Social Sciences SPSS V 23. Kajian yang dijalankan di Politeknik Metro Betong Sarawak adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan menerusi perisian aplikasi Google Forms untuk mencapai objektif yang disasarkan. Hasil dapatan kajian yang dilaksanakan mendapati impak keberkesanan kemudahan pembelajaran dikalangan pensyarah PMBS menunjukkan kesan yang positif dengan nilai min kajian 4.0 dan keatas. Secara keseluruhannya dapatan ini akan dapat membantu institusi untuk mengukur tahap kemudahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) sedia ada untuk pembelajaran berimpak tinggi Alaf 21 selain menjadi rujukan kepada penyelidik lain menjalankan kajian berkaitan kemudahan pengajaran. Hasil dapatan kajian ini, boleh memberi gambaran yang lebih jelas dan baik bagi membantu institusi bagi meningkatkan mutu kemudahan pembelajaran yang ditawarkan kepada pelajar.

Keywords: impak, kemudahan, pembelajaran

1. Pengenalan

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) berkembang dengan pesat selaras dengan alaf pembelajaran abad 21. Hala tuju institusi Pengajian tinggi (IPT) didorong oleh ransangan ekonomi bagi menghasilkan warga IPT yang berkualiti dan berdaya saing di era globalisasi ini. Aspek persekitaran kampus yang terdiri pelbagai faktor pendorong mempengaruhi ke arah pencapaian matlamat tersebut. Persekitaran pembelajaran yang sihat dapat mewujudkan suasana pengajaran yang baik. IPT yang dapat menyediakan kemudahan pembelajaran yang baik dapat melancarkan proses pengajaran bagi pensyarah. Kualiti kemudahan pembelajaran di PMBS dapat digambarkan menerusi pandangan pensyarah yang berperanan sebagai kajian penting yang terlibat dalam kajian ini.

Keberkesanan kemudahan pembelajaran menjadi isu penting dalam era pandemik COVID-19. Tumpuan sewajarnya diberikan kepada aspek kemudahan pembelajaran yang ditawarkan supaya pelajar dapat menjadi generasi yang berkualiti meliputi pengetahuan dan kemahiran, mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan, dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli seterusnya mampu menjana perkembangan ekonomi yang mampan. Kemudahan pembelajaran telah melalui perubahan yang mendadak akibat daripada pandemik Covid-19. Menurut Ismail, Hamzah & Lubis, (2016) menyatakan arah aliran semasa sistem pendidikan semasa yang sentiasa berubah yang menuntut kesediaan untuk guru berubah bagi mengendalikan perubahan sesuai mengikut keperluan semasa. Kreativiti pensyarah menggunakan sumber kemudahan yang terhad dalam menghasilkan pembelajaran teradun sedikit sebanyak menarik minat pelajar yang mengharapkan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dalam menimba ilmu. Untuk memastikan pensyarah dapat menyampaikan pengajaran yang berkualiti kepada pelajar secara berkesan, kemudahan pembelajaran sedia ada perlu ditambahbaik supaya ia sesuai dengan peredaran zaman.

Kemudahan fizikal pembelajaran banyak memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar. Ia meliputi Keselesaan pembelajaran menerusi kemudahan bilik kuliah, perpustakaan, makmal komputer yang mendorong pelajar ke arah pembelajaran.

Pembelajaran yang optimum kepada pelajar terhasil daripada kemudahan fizikal seperti bilik darjah, makmal, bilik khas, dan kemudahan lain serta persekitaran yang kondusif selaras dengan “Pembangunan Pendidikan 2001-2010” yang menjadikan proses pendidikan dan persekitaran yang mendorong pembelajaran yang kondusif dan selamat serta selesa. Kajian yang dilaksanakan hanya memfokuskan kualiti kemudahan pembelajaran di PMBS terhadap proses pembelajaran, kesediaan ruang pembelajaran dan yang terakhir pengkaji mengkaji tentang kesediaan peralatan pembelajaran di PMBS. Kajian yang dilakukan oleh Syed Kamarudin (2007) menyatakan analisis kemudahan pengajaran dan pembelajaran melibatkan pembelanjaan kos pengajian tinggi serta implikasi terhadap pencapaian akademik pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini juga menyatakan peralatan yang tidak mencukupi dalam menjalankan kerja praktikal akan menyukarkan tenaga pengajar. Penyediaan infrastruktur kemudahan pembelajaran di politeknik meningkat selaras dengan perkembangan teknologi maklumat. Pendapat ini dibantu dengan kenyataan oleh Cigdem dan Yildirim (2014); Rhema dan Miliszewska (2014); Thammathirat dan Tuntirojanawong, (2013), yang menyokong pendekatan e-pembelajaran dilaksanakan kepada pelajar aliran teknikal dan vokasional *Technical Vocational Education and Training* (TVET) seperti politeknik dan kolej komuniti. Tahap kesediaan e-pembelajaran dari aspek sikap kepenggunaan komputer, kebolehan menggunakan serta mengendalikan komputer, fasiliti komputer dan akses teknologi juga perlu dipastikan terlebih dahulu. Menurut Juri et al. (2006), era globalisasi dan perubahan teknologi yang pesat, pembelajaran sepanjang hayat adalah satu kemestian untuk semua.

Menurut Baharin, N. (2019) pula, menerusi kajiannya Penggunaan Ipad Untuk Meningkatkan Pembelajaran Dan Penglibatan Murid Dalam Bilik Darjah yang diterbitkan di Jurnal Penyelidikan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia Jilid 20, menyokong pendapat Jahnke, Bergstrom, Marell-Olsson, Häll, & Kumar, (2017) menjelaskan hak sekolah boleh memikirkan kajian dan kaedah pembelajaran yang sesuai bagi mengintegrasikan dan mengabung jalinkan teknologi tersebut ke dalam bilik darjah. Kemudahan pembelajaran yang ideal dapat merangsang minat dan motivasi pelajar. Berdasarkan pengalaman sedia ada kemudahan pembelajaran yang tersedia menggalakkan minat untuk belajar seterusnya membawa kualiti pelajar prestasi tinggi. Pendapat ini disokong pula oleh Hallak (1990), yang menyatakan kemudahan pembelajaran sebagai faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian akademik dalam sistem persekolahan meliputi bangunan sekolah, kelas dan bilik kuliah, perpustakaan, makmal dan peralatan rekreasi antara lain. Pembelajaran yang berkesan merupakan sejauh mana pelajar merasakan pengalaman pengajaran bermakna kepada mereka. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Stringer dan Irwing (1998) pula menyatakan, pengajaran berkesan merupakan peningkatan prestasi pelajar secara konsisten dengan matlamat pengajaran selepas sesuatu tempoh pengajaran yang dilaksanakan.

1.1 Penyataaan masalah

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) yang dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pelbagai kemudahan prasarana dan infrastruktur telah disediakan kerajaan untuk mewujudkan suasana pembelajaran selesa dalam pengajaran para guru. PPPM 2013-2025 memastikan pembangunan pendidikan yang menyeluruh dan meningkatkan pemilikan pendidikan, penyediaan kemudahan pembelajaran merupakan ciri terpenting yang diberi perhatian serius dalam perancangan pendidikan Malaysia. Kepentingan perancangan dan penyediaan kemudahan infrastruktur yang baik dapat menyokong kejayaan agenda pendidikan negara. Penyediaan infrastruktur yang betul, mencukupi dan selesa penting bagi membolehkan proses pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum yang berkesan dijalankan. Pengkaji telah mengenalpasti masalah timbul apabila perubahan corak pembelajaran daripada bersemuka kepada secara dalam talian. Ini adalah kerana pada tahun 2019 negara telah dilanda wabak Covid-19. Suasana pembelajaran juga turut berubah daripada mengajar di dalam kelas, makmal atau bengkel kepada atas talian. Keperluan bagi perubahan ini amat diperlukan untuk proses PdP.

Kaedah pembelajaran menerusi konsep secara maya telah berkembang pantas seiring peningkatan penularan wabak virus COVID-19 sejak penghujung tahun 2019. Kenyataan ini disokong Abdul Manaf, I.E; Saleng, A.Z; (2020), pandemik wabak virus Covid-19 telah meningkatkan serta mempercepatkan penerimaan masyarakat terhadap pembelajaran secara maya yang sebelum ini mengambil masa yang lama untuk diadaptasi dan disesuaikan mengikut persekitaran pembelajaran. Semasa era pandemik Covid-19, kaedah pembelajaran oleh pensyarah berubah lebih kreatif dan berinovatif semasa pengajaran mereka dengan menggunakan sumber-sumber berupa perisian multimedia, audio, animasi, filem video, interaktif whiteboard serta permainan digital yang terhad. Menurut Abdul A, A; (2020) menerusi penyelidikan yang bertajuk Cabaran Pengajaran Dalam Talian Kepada Pengajar di Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020) menyatakan cabaran pensyarah

adalah menggunakan peralatan pembelajaran yang berteknologi dan berinovasi untuk capaian kemudahan sistem rangkaian internet, suasana pembelajaran yang tidak sesuai untuk mengajar, mengurus anak-anak di rumah dan keberkesanan penyampaian dan pengajaran. Pendapat ini pula disokong oleh Siti Azura, Suzana, Zulkurnain (2021) menyatakan cabaran pensyarah pula dari segi kepakaran tenaga pengajar menggunakan dasar e-pembelajaran, capaian kepada kemudahan sistem rangkaian komputer, alatan pembelajaran yang tidak sesuai untuk mengajar serta keberkesanan penyampaian serta pengajaran masa kini.

Ruang pembelajaran bercirikan moden dan selari dengan konsep pengertian pembelajaran abad 21 membolehkan ia merangsang prestasi akademik pelajar dengan lebih baik. Pendapat ini telah dipersetujui oleh Temple 2007 dan Yanni (2006) menyatakan ruang pembelajaran masa kini yang berteknologi moden harus mengambil kira seperti keperluan digital yang terkini, mempunyai ruang pembelajaran yang boleh diubah dan disesuaikan serta bebas pergerakan, peningkatan interaksi sosial. Anuar Ahmad A & Tang (2018) melalui kajiannya berjudul Tahap Kesediaan Fizikal Pelaksanaan Ruang Pembelajaran (Learning Spaces) Di Kolej Kediaman Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu Tinjauan Awal Governans, Institusi & Pengurusan Kewangan pula, menyatakan ruang pembelajaran sebagai satu ruang rasmi yang mana secara urutannya seseorang atau sekumpulan pelajar melalui proses pembelajaran yang dibimbing oleh seorang pensyarah didalam bilik kuliah.. Ruang pembelajaran ini mempunyai struktur yang jelas seperti sebuah bilik darjah, dewan kuliah, makmal, bilik perbincangan, perpustakaan atau bilik sumber yang dibimbing oleh seorang pensyarah. Melaluinya penyertaan,interaksi serta peningkatan perkongsian yang positif, dapat mengadun persekitaran pembelajaran serta ruang pembelajaran yang mencetuskan kesan yang positif dengan proses pembelajaran. Kenyataan ini disokong oleh Mok Soon Sang, (2008) dalam buku yang bertajuk Pedagogi untuk Pengajaran dan Pembelajaran menegaskan kaedah pengajaran yang betul menerusi pemilihan strategi, kaedah yang dilaksanakan bersesuaian dengan teknik pengajaran dan pembelajaran mestilah melihat kepada penerimaan pelajar di dalam sesebuah bilik kuliah.

Isu kesediaan peralatan pembelajaran sering terjadi sekiranya guru tidak mahir dalam penggunaan alat bantu mengajar. Ia kadang kala menyukarkan penyampaian pengajaran dengan berkesan kerana aras pemikiran yang berbeza bagi setiap pelajar. Selain itu setiap individu mempunyai pola pemikiran dan perlakuan serta kebolehan intelek yang berbeza antara satu sama lain. Ia turut juga disokong oleh Amir Hasan (2002), dalam sebuah bilik darjah, setiap individu mempunyai psikologi dan kebolehan intelek yang berbeza antara satu sama lain. Lantaran itu pengajaran yang dirancang perlu sesuai, disusun (mengikut tahap pelajar) dan disokong (dengan alat bantu mengajar) bagi merangsang perkembangan potensi meliputi kemampuan,kebolehandan keupayaan seseorang individu ke tahap yang maksimum. Wirdawati (2007) pula menerusi penyelidikannya yang Kajian Tentang Beban Tugas Guru Kemahiran Hidup Bersepadu di Sekolah Menengah Kebangsaan di Salah Sebuah Daerah di Negeri Selangor menyatakan bahawa guru perlu mempunyai pengetahuan yang bersistematik dan pengalaman yang sesuai.

1.2 Objektif kajian:

Bersandarkan pernyataan masalah yang dihadapi, kajian telah dilaksanakan. Beberapa matlamat kajian perlu dipenuhi antaranya:-

1. Mengenalpasti kualiti kemudahan pembelajaran di Politeknik METrO Betong Sarawak terhadap proses pengajaran.
2. Mengenalpasti kesediaan ruang pembelajaran bilik kuliah, makmal komputer, dan perpustakaan Politeknik METrO Betong Sarawak.
3. Mengenalpasti kesediaan peralatan pembelajaran di Politeknik METrO Betong Sarawak.

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kualiti kemudahan pembelajaran, kesediaan ruang dan kesediaan peralatan agar kajian ini menjadi tanda aras kualiti pembelajaran di alaf 21 di PMBS.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti mutu kemudahan pembelajaran, kesediaan ruang pembelajaran dan kesediaan peralatan yang digunakan oleh pensyarah PMBS. Kajian ini diharap dapat memberi panduan dan bimbingan kepada pensyarah serta pihak pengurusan PMBS dapat memperbaiki dan meningkatkan kualiti pengajaran disamping meningkatkan kualiti penyampaian pengurusan melalui PdP.

Kajian ini juga diharap boleh digunakan oleh pengkaji yang lain untuk menguji pencapaian kesediaan dan kualiti ruang pembelajaran agar institusi pendidikan yang lain dapat menjalankan tugas khusus yang dipertanggungjawabkan dalam menjayakan misi dan visi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang mana ia memfokuskan keberhasilan warga pendidikan, para akademik dan memberi tumpuan kepada ekosistem pendidikan. Selaras dengan itu ia mengapai lonjakan keunggulan global pendidikan,

pembelajaran dalam talian tahap global seterusnya dapat mentransformasikan penyampaian pendidikan tinggi agar lebih menarik dan kompetitif di persada antarabangsa.

1.4 Skop kajian

Kajian ini menggambarkan satu kajian tinjauan tentang kualiti keberkesanan kemudahan pembelajaran dikalangan pensyarah Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS). Sampel kajian terdiri daripada 30 orang responden yang terdiri daripada pensyarah Program Pelancong dan Hospitaliti, Program Perbankan dan kewangan dan Pengajian Am yang dilaksanakan pada sesi pengajian I tahun 2021. Penyelidik telah menghadkan kajiannya kepada aspek fasiliti berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Kejituan, ketepatan dan kewajaran kajian bergantung kepada tahap kejujuran dan kerjasama responden sewaktu menjawab semua soalan yang diberikan.

2.0 Sorotan literatur

2.1 Kajian tentang kualiti kemudahan pembelajaran.

Salah satu aspek yang perlu difikirkan ialah kemudahan pembelajaran yang sesuai pada masa kini. Bagi memastikan infrastruktur sokongan pembelajaran dan pengajaran disediakan, kualiti pembelajaran itu sendiri memberi kesan kesenangan kepada pengguna persekitaran dalam mencari aktiviti pencarian untuk mendapat maklumat (Hofstetter, 1995). Menurut Abd Rahman Abd Ghani dan Azmil Hashim (2018), terdapat beberapa aspek pengurusan prasarana perlu diberi perhatian oleh institusi pendidikan bagi membolehkan proses pembelajaran berjalan dengan lancar. Manakala Jenal (2017) pula berpendapat, kemunculan kepelbagaian teknologi ICT telah mewujudkan bermacam-macam perantara komunikasi media perhubungan yang membolehkan maklumat-maklumat dapat disalurkan dengan cepat dan menjadikan proses pembelajaran berkesan dilaksanakan.

2.2 Kajian tentang kualiti pengajaran

Mutu pengajaran merupakan aspek penting untuk memastikan pelajar mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan bagi sesuatu kursus tercapai dengan jayanya. Oleh itu keberkesanan pengajaran berperanan memastikan pelajar mencapai kandungan pengajaran yang disampaikan seterusnya membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian (Wachtel, 2006). Menurut Abdullah (2018) lagi, kaedah yang terbaik untuk mengukur keberkesanan pengajaran adalah penilaian yang dibuat oleh pelajar terhadap tenaga pengajar bagi sesuatu matapelajaran.

3.0 Metodologi kajian

Metodologi kajian merupakan sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip bagi memastikan objektif serta matlamat kajian dapat dicapai seperti yang dirancang. Bahagian ini membincangkan tentang rekabentuk kajian, sampel, alatan kajian dan tatacara analisa data supaya ia dapat menjawab persoalan-persoalan kajian.

3.1 Rekabentuk kajian

Rekabentuk kajian yang dijalankan bertujuan untuk membimbing pengkaji kearah mendapatkan maklumat dan data berhubung tujuan kajian dijalankan. Kajian berbentuk deskriptif digunakan dimana ia bersesuaian dengan kaedah kajian tinjauan yang melibatkan proses mengambil data mengikut satu masa tertentu sahaja. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), penyelidikan deskriptif digunakan pakai untuk mendapat maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang sedang berlaku dan kaedah soal selidik dalam talian seperti Google Form digunakan pada masa kini.

3.2 Instrumen kajian

Instrumen kajian yang dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi kaedah tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang dibangunkan untuk mendapatkan sumber yang diperolehi. Soal selidik ini terdiri daripada (4) empat bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A mengandungi jantina, umur, tahap pendidikan, pengalaman dan tempoh berkhidmat sebagai pensyarah manakala bahagian B pula merangkumi aspek pengendalian pembelajaran. Seterusnya bahagian C mengenai kesediaan ruang pembelajaran bilik kuliah, makmal komputer, dan perpustakaan. Akhirnya bahagian D pula, meliputi kesediaan peralatan PdP yang berada di PMBS. Soal selidik ini mengandungi sebanyak 32 set soalan. Untuk tujuan penganalisaan data, Skala Likert telah dikodkan dan ditunjukkan seperti Jadual 1

Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Kurang Setuju (KS)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
1	2	3	4	5
TIDAK SETUJU		SETUJU		

Jadual 1: Skala Likert

4.0 Dapatan kajian

Hasil kajian dan analisa data telah disusun seperti yang terkandung dalam borang soal selidik. Bahagian A meliputi jawapan persoalan jantina dimana dalam kajian ini responden lelaki dan perempuan mempunyai jumlah yang sama yang masing masing sebanyak 15 orang. Terdapat 2 bilangan umur terendah iaitu 41-45 tahun dan umur melebihi 46 tahun adalah masing-masing 2 orang dengan nilai peratusan 3.3% manakala bilangan umur tertinggi antara 26 tahun–30 tahun dengan peratusan 53.3%. Tahap kelayakan pensyarah yang berada di institusi PMBS adalah Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. Peratusan Ijazah Sarjana Muda adalah 83.3% manakala 21.05% pula adalah berkecualan sarjana. Sebanyak 16.7% adalah berpengalaman mengajar 1 tahun- 5 tahun. Ia kebanyakannya merupakan pensyarah muda seramai 21 orang. Peratusan yang menjawab soal selidik adalah dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti sebanyak 50% manakala peratusan terendah pula adalah dari unit pengajian am sebanyak 13.3%.

Bahagian B merupakan tinjauan bagi mengenalpasti pengendalian pembelajaran di Politeknik Metro Betong Sarawak terhadap proses pengajaran. Penggunaan soal selidik soalan dibangunkan bagi mencapai objektif kajian. Bahagian C pula adalah tinjauan bagi mengenalpasti kesediaan ruang pembelajaran seperti bilik kuliah, makmal komputer, dan perpustakaan manakala bahagian D bertujuan mengenalpasti kesediaan peralatan pembelajaran. Hasil dapatan ditunjukkan dalam jadual dibawah mengenai pernyataan responden berdasarkan skala Likert.

Persetujuan responden							
Bil	Item	STS	TS	KS	S	SS	MIN
A.Mengenal pasti Pengendalian Pembelajaran Di Politeknik Metro Betong Sarawak.							
1	Jadual waktu pengajaran saya adalah teratur dan sesuai dengan pelajar	-	-	-	13.3	86.7	4.87
2	Kursus yang ditawarkan kepada saya memenuhi kehendak pasaran.	-	-	-	36.7	63.3	4.63
3	Tempoh pembelajaran kursus saya tidak membebaskan pelajar	-	-	-	43.3	56.7	4.57
4	Pengajaran yang saya laksanakan mengikut silibus	-	-	-	36.7	63.3	4.63
5	Makmal komputer disediakan kepada saya mencukupi	-	-	-	36.7	63.3	4.63
6	Makmal komputer berteknologi terkini.	-	-	3.3	46.7	50.0	4.47
7	Perisian makmal yang digunakan terkini (<i>up to date</i>) dan berlesen	-	-	-	33.3	66.7	4.67
8	Bahan rujukan bagi setiap program adalah mencukupi	-	-	6.7	40.0	53.3	4.40
9	Bahan pengajaran di atas talian (<i>online</i>) meliputi jurnal, buku ,video pembelajaran mudah diakses.	-	-	10.0	23.3	66.7	4.57
10	Bahan rujukan adalah terkini dan memenuhi keperluan semasa.	-	-	6.7	53.3	40	4.33
11	Capaian internet di institusi saya berupaya menyokong pengajaran saya	-	3.3	3.3	33.3	60.0	4.50
B. Menenalpasti Kesediaan Ruang Pembelajaran Bilik Kuliah, Makmal Komputer, Dan Perpustakaan Politeknik Metro Betong Sarawak.							
1	Bilik kuliah yang kondusif (selesa).	-	-	-	30.0	70.0	4.70
2	Peralatan pengajaran di bilik kuliah adalah lengkap dan berteknologi.	-	-	6.7	46.7	46.7	4.40
3	Perpustakaan yang lengkap, kondusif dan mesra pengguna.	-	-	-	43.3	56.7	4.57
4	Peralatan di makmal komputer adalah mencukupi	-	-	-	50.0	50.0	4.50

5	Makmal komputer menyediakan perkhidmatan internet yang baik.	-	-	6.7	26.7	66.7	4.60
6	Bilangan bilik / dewan kuliah mencukupi.	-	-	-	33.3	66.7	4.67
7	Peralatan di makmal adalah bersesuaian dengan keperluan / teknologi masa kini.	-	-	3.3	36.7	60.0	4.57
8	Penggunaan bilik kuliah / makmal / perpustakaan direkodkan	-	3.3	-	40.0	56.7	4.50
9	Ruang pembelajaran bilik kuliah / makmal / perpustakaan di selenggara dengan baik	-	-	-	33.3	66.7	4.67
C. Mengenalpasti Kesediaan Peralatan Pembelajaran Di Politeknik Metro Betong Sarawak.							
1	Peralatan pengajaran saya di bilik kuliah sentiasa berada dalam keadaan teratur dan kemas.	-	3.3	-	40.0	56.7	4.67
2	Peralatan pengajaran saya di makmal sentiasa berada dalam keadaan teratur dan kemas.	-	-	-	33.3	66.7	4.53
3	Peralatan pengajaran saya di perpustakaan sentiasa berada dalam keadaan teratur dan kemas.	-	-	-	40.0	60.0	4.60
4	Peralatan pengajaran saya selamat dan menepati piawaian.	-	-	-	40.0	60.0	4.60
5	Peralatan pengajaran saya sesuai digunakan secara atas talian (<i>online</i>)	-	-	-	40.0	60.0	4.60
6	Peralatan pengajaran di bilik kuliah / dewan / perpustakaan sentiasa diselenggara dengan baik.	-	-	-	46.7	53.3	4.53
7	Penggunaan peralatan pengajaran saya dapat meningkatkan keyakinan pengajaran sebagai pensyarah.	-	-	-	46.7	53.3	4.53

5.0 Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian dijalankan didapati, aspek pengendalian pembelajaran di Politeknik METrO Betong Sarawak menunjukkan tahap cemerlang dengan nilai min 4.57. Hasil data yang dianalisa juga mendapati semua elemen penilaian yang melibatkan pengendalian pembelajaran dilaksanakan dengan cemerlang. Nilai min terendah pada 4.4 iaitu pada item bahan rujukan bagi setiap program adalah mencukupi manakala yang tertinggi pula berkenaan jadual waktu pengajaran saya adalah teratur dan sesuai dengan pelajar menunjukkan nilai 4.83. Seterusnya item kajian mengenai kesediaan ruang pembelajaran bilik kuliah, makmal komputer, dan perpustakaan Politeknik METrO Betong Sarawak menunjukkan nilai min 4.57. Item yang terendah pula adalah peralatan bilik kuliah adalah lengkap dan berteknologi dengan nilai skor min 4.4 manakala yang tertinggi pula adalah skor min 4.7 menerusi item bilik kuliah yang kondusif (selesa). Akhirnya kajian kesediaan peralatan pembelajaran di Politeknik METrO Betong Sarawak menunjukkan tahap cemerlang dengan nilai 4.58 dengan skor min tertinggi bernilai skor 4.67 pada item peralatan pengajaran saya di bilik kuliah sentiasa berada dalam keadaan teratur dan kemas manakala skor yang terendah pula pada tiga item iaitu item peralatan pengajaran di sentiasa diselenggara dengan baik, item penggunaan peralatan pengajaran saya dapat meningkatkan keyakinan pengajaran sebagai pensyarah dan item peralatan pengajaran saya di makmal sentiasa berada dalam keadaan teratur dan kemas. Skor min masing-masing sebanyak 4.53. Data yang dianalisis menunjukkan aspek kemudahan pembelajaran di Politeknik METrO Betong Sarawak adalah cemerlang menerusi tiga aspek utama pengendalian pembelajaran, kesediaan ruang dan kesediaan peralatan. Selaras dengan aspek pengajaran abad 21 supaya ia sesuai dilakukan agar ia dapat menjamin pengajaran yang efektif dan juga pembelajaran yang berkesan kepada pelajar. Akhirnya diharap kajian ini dapat menjadi rujukan kepada sesiapa yang berminat berkaitan kajian kemudahan pembelajaran pada masa hadapan. Pihak pengurusan institusi sangat mengambil berat tentang keperluan pensyarah dalam proses pengajaran di PMBS. Kemudahan yang sempurna dan lengkap serta boleh digunakan menjadi pengukur dalam menilai kualiti kemudahan.

Rujukan

- Abdullah, (2018). Factors Influencing Students' Evaluation on Lecturer's Teaching Performance. *Jurnal Personalia Pelajar* 21(1): 1-9
- Ab. Rahman, Hamidah and Khalifah, Zainab and Arif, Shoki and Sirin, Rosnah (2004). Kajian mengenai tahap kualiti pendidikan tinggi dari perspektif pelajar di Universiti Teknologi Malaysia. Project Report. Universiti Teknologi Malaysia.
- Anuar Ahmad & Nur Atiqah Tang Abdullah, (2018). Tahap Kesediaan Fizikal Pelaksanaan Ruang Pembelajaran (Learning Spaces) Di Kolej Kediaman Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu Tinjauan Awal Governans, Institusi & Pengurusan Kewangan Prosiding Konvensyen Kepengetuaan dan Felo Penghuni Kolej Kediaman Universiti Awam Kebangsaan 2018. ISBN:e978-967-0829-97-5
- Azniwati Abdul Aziz (2020). Keberkesanan Video Pembelajaran Dari Perspektif Pelajar Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020) Universiti Sains Islam Malaysia.
- Baharin, N. (2019). Penggunaan Ipad Untuk Meningkatkan Pembelajaran Dan Penglibatan Murid Dalam Bilik Darjah, *Jurnal Penyelidikan pendidikan Jilid 20 Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Cigdem, H., & Yildirim, O. G. (2014). Effects of students' characteristics on online learning readiness: A vocational college example. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 15(3), 80–93.
- Hallak, J. (1990). Investing in the Future Setting Educational Priorities in the Developing World. Paris. IIEP and Pergamon Press.
- Ismail, W. A. W., Hamzah, M. I., & Lubis, M. A. (2016). Kesiediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Journal of Advanced Research in Social and Bahavioral Sciences*, 3(1), 79–95 Kesiediaan Untuk Berubah Guru dan Amalan Pembelajaran Abad Ke-21: Guru Sebagai Mediator Terhadap Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Guru di Sekolah Menengah Negeri Sabah.
- Ima Eryanty Abdul Manaf & Adam Zulkarnain Saleng (2020). Pandemik: Pendekatan Pelaksanaan Latihan. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
- Jenal, M. Z. (2017, March). Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Sistem Rangkaian Media Sosial Telegram Sebagai Alat Pembelajaran Modul Matematik: Satu Tinjauan Kes Di Kolej Komuniti Kuala Langat. In *eProceedings iCompEx17 Academic Paper*.
- Ismail, W. A. W., Hamzah, M. I., & Lubis, M. A. (2016). Kesiediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Journal of Advanced Research in Social and Bahavioral Sciences*, 3(1), 79–95 Kesiediaan Untuk Berubah Guru dan Amalan Pembelajaran Abad Ke-21: Guru Sebagai Mediator Terhadap Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Guru di Sekolah Menengah Negeri Sabah.
- Langford, M. (2020). Atas talian Teaching in the Time of COVID-19: Academic teachers' experiences in Norway. *Center of Experiential Legal Learning (CELL)*, 2(April), 1–35.
- Mok S. S., (2008). *Pedagogi untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mohd. Sidin. S (1998). *Monograf Organisasi dan Pengurusan Bengkel*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Wirdawati Azhana & Hassan Basri, (2007). Kajian Tentang Beban Tugas Guru Kemahiran Hidup Bersepadu di Sekolah Menengah Kebangsaan di Salah Sebuah Daerah di Negeri Selangor. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Rhema, A., & Miliszewska, I. (2014). Analysis of Student Attitudes towards E-learning: The Case of Engineering Students in Libya. *Informing Science and Information Technology*, 11, 169–190.

Abu Hassan, S. A, Zainol Abidin.S, Hassan.Z, (2021). Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (Epembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat, International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), Universiti Malaysia Pahang Press

Thammathirat, S., & Tuntirojanawong, S. (2013). Students ' Readiness for E-learning : A Case Study of. Journal of Learning in Higher Education, 9(1), 59–67.